



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 JANUARI 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

18 JANUARI 2023 (RABU)

Kerajaan perhalusi kesan domino subsidi bersasar

Penelitian sebagai persiapan elak sebarang kejutan, kesan kepada rakyat selepas pelaksanaan

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memperhalusi kesan domino pelaksanaan subsidi bersasar yang kini dalam proses akhir pengumpulan data, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, kerajaan perlu bersedia sedia bagi mengelakkan sebarang kejutan atau kesan terus kepada rakyat selepas pelaksanaan sistem subsidi berkenaan.

"Kerajaan membelanjakan RM80 bilion untuk subsidi pada 2022, khususnya subsidi pukal untuk rakyat seperti subsidi petrol, diesel, minyak masak, tepung, ayam, telur dan gas memasak (LPG). Kita sedang memikirkan secara teliti pada masa ini untuk kita laksanakan apa yang disebut sebagai subsidi bersasar."

"Beberapa siri perbincangan diadakan melalui mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) untuk kita memperhalusi kaedah pelaksanaan subsidi bersasar ini dan kesannya kepada rakyat."

"Antara kesannya ialah harga makanan dan kos pengangkutan termasuk pengangkutan awam



Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup

mungkin meningkat. Contohnya, jika subsidi ayam ditarik balik, harga ayam di pasaran mungkin meningkat," katanya dalam sesi temu bual khas bersama media di pejabatnya, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, ada juga beberapa subsidi tunai harus dibayar kerajaan untuk menampung perbezaan harga semasa dengan harga maksimum.

Guna data

Salahuddin berkata, oleh kerana subsidi ialah isu yang luas dan kompleks, KPDN akan menggunakan data dikongsi daripada agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pendaftaran Ne-

gara (JPN) dan beberapa lagi.

Katanya, usaha mengumpul data secara komprehensif daripada agensi kerajaan berkaitan, termasuk Jabatan Statistik Negara (DOSM) yang juga agensi paling berautoriti bagi tujuan berkenaan di samping Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) yang digerakkan NACCOL, kini hampir selesai.

"Semua data itu kita kumpul untuk mendapatkan maklumat yang benar-benar komprehensif dan lengkap bagi pelaksanaan subsidi bersasar kelak," katanya menambah kerajaan akan terus mempersiapkan minda rakyat supaya bersedia dan boleh menerima skim subsidi bersasar.

Bagi menangani isu kos sara hi-

dup, Salahuddin berkata, KPDN bakal memperkenalkan program kesinambungan inisiatif 'Payung Rahmah' untuk mendayaupayakan dan meningkatkan pendapatan rakyat.

3 program utama

Katanya, tiga program utama bakal diperkenalkan khusus untuk tujuan terbabit, iaitu Daya Suri, Daya Usahawan dan Daya Kreatif dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

"Program itu adalah kesinambungan kepada program kebajikan, inisiatif di bawah program Payung Rahmah yang sedang dijalankan KPDN sekarang. Inisia-

Semua data itu kita kumpul untuk mendapatkan maklumat yang benar-benar komprehensif dan lengkap bagi pelaksanaan subsidi bersasar kelak



Salahuddin Ayub,
Menteri
Perdagangan
Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup

tif Payung Rahmah meliputi Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Kafe Rahmah dan Pakej Rahmah.

"Ia program bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan strategik KPDN. Kafe Rahmah pula bakal dimulakan di beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Kuala Lumpur dan Selangor sebelum diperluaskan ke IPTA lain di seluruh negara," katanya.

Salahuddin berkata, Kafe Rahmah adalah program menyediakan makanan percuma, sekurang-kurangnya sekali sehari, iaitu makan tengah hari kepada pelajar dengan perincian program berkenaan akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

Program Daya Usahawan, katanya, adalah penambahbaikan kepada program sedia ada seperti Karnival Barangan Malaysia, moratorium dan geran pembangunan usahawan, antara lain membabitkan sistem francais mikro, francais mampu milik dan inisiatif pendigitalan sektor peruncitan (REDI).

Selain itu, katanya, Inisiatif Suri yang meliputi Rezeki Suri dan Aduan Suri, bertujuan membantu suri rumah menjana pendapatan dan memudahkan serta mempercepatkan mereka mengemukakan aduan kepada KPDN melalui Kod QR.

KPDN rampas 5,100kg minyak masak bersubsidi

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 5,100 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi di sebuah premis pembungkusan barangan kawalan itu di Metro Park, dekat Sendayan, di sini, semalam selepas disyaki beroperasi tanpa kebenaran.

Dalam serbuan kira-kira jam 10.15 pagi itu, pasukan penguat kuasa mendapati premis itu tidak pernah membuat permohonan untuk menyimpan barang kawalan berkenaan.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan, berkata tindakan kes ini adalah hasil pemantauan susulan dilakukan pihaknya ke atas syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Negeri Sembilan.

"Pemeriksaan dijalankan ke atas syarikat itu menemukan minyak masak paket bersubsidi yang siap dibungkus berada di lot premis yang tidak didaftarkan di dalam lesen barang kawalan mi-

lik syarikat berkenaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut juga mendapati pihak syarikat tiada membuat sebarang permohonan untuk mendaftarkan lot premis berkenaan sebagai tempat penyimpanan barang kawalan iaitu minyak masak bersubsidi," katanya.

Beliau berkata, selain 5,100 kg minyak masak paket bersubsidi, turut disita dokumen berkaitan bagi tujuan siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan anggaran nilai rampasan keseluruhan RM 12,750.

"KPDN Negeri Sembilan komited memantau barangan keperluan asas pengguna terutamanya berkaitan barangan kawalan untuk mencegah sebarang aktiviti penyelewengan di pasaran.

"Justeru, amaran diberikan kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan barang kawalan berjadual supaya mematuhi perundangan ditetapkan," katanya.



Penguat kuasa KPDN memeriksa syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi disyaki beroperasi tanpa kebenaran di Metro Park, Sendayan, semalam.
(Foto ihsan KPDN)

SUBSIDISED ITEM

5,100kg of packet cooking oil seized

SEREMBAN: The Negri Sembilan Domestic Trade and Cost of Living Ministry has seized 5,100kg of subsidised cooking oil in packets from a premises that packages controlled items at Metro Park in Sendayan.

Negri Sembilan ministry director Muhammad Zahir Mazlan said the raid, which was carried out at 10.15pm, resulted in the discovery of packaged subsidised cooking oil on the premises that was not registered in the company's licence for controlled items.

He said further checks revealed that the company never made an application to store and keep controlled items either.

"We found out that the company did not make any application to register the premises or lot as place to store and keep controlled items such as subsidised cooking oil."

He said the total amount of seized items were estimated at RM12,750, adding that the case was being investigated under the Supply Control Act 1961.

KPDN serbu rumah sorok 6,120kg minyak masak bersubsidi

BACHOK - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (KPDN) menyerbu sebuah rumah di Jalan Teratak Pulai, Kampung Kuchelong, Jelawat, di sini dan merampas 6,120 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi, pada jam 6.30 petang Isnin.

Serbuan tersebut dilakukan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Tok Bali, Pasir Putih, semasa Ops Membanteras Ketirisan Barang Kawalan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, hasil maklumat risikan, pihaknya telah menyerbu sebuah rumah mencurigakan yang dijadikan tempat simpanan transit sementara barang kawalan bersubsidi.

"Hasil pemeriksaan telah menjumpai minyak masak bersubsidi kira-kira 6,120kg dengan nilaian rampasan RM15,300 yang dipercayai akan dibawa ke sampa-

dat negara jiran untuk dipasarkan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, minyak masak bersubsidi tersebut disita bagi siasatan lanjut terhadap pemilikan dan rumah transit sementara tersebut.

Azman memberitahu, kes disiasat bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kami memberi amaran kepada mana-mana individu atau peniaga yang dengan niat melakukan aktiviti tidak bermoral ini supaya menghentikannya segera.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu atau peniaga yang melakukan kesalahan ini," katanya.

Beliau menambah, pengguna boleh menyalurkan sebarang aduan sekiranya mengesyaki sebarang aktiviti yang mencurigakan dan tindakan tegas tanpa kompromi akan dikenakan.

KPDN menyerbu sebuah rumah dan merampas 6,120kg minyak masak bersubsidi di Jalan Teratak Pulai, Kampung Kuchelong, Jelawat di Bachok pada Isnin.





SEBAHAGIAN minyak masak paket yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Kuchelong, Jelawat dekat Bachok kelmarin. - IHSAN KPDN KELANTAN



ANGGOTA penguat kuasa melakukan pemeriksaan di sebuah syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Metro Park, Sendayan, Seremban kelmarin. - IHSAN KPDN

Serbuan dibuat KPDN di Kelantan, Negeri Sembilan

Rampas 11.22 tan minyak masak paket

Oleh MUHAMMAD AYMAN
GHAFFA dan NOR SHAFAWATI YUP

BACHOK — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas sebanyak 6.12 tan minyak masak paket bernilai RM15,300 selepas menyerbu sebuah rumah di Kampung Kuchelong, Jelawat, di sini kelmarin.

Serbuan dijalankan pada pukul 6.30 petang menerusi Op Membanteras Ketirisan Barang Kawalan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Tok Bali di Pasir Puteh.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, selepas menjalankan risikan, pihaknya mengesan sebuah rumah yang dipercayai dijadikan transit untuk menyimpan minyak masak paket sebelum diseludup ke ne-

gara jiran.

Menurutnya, semasa serbuan dijalankan, anggota penguat kuasa KPDN menemui sebanyak 6.12 tan minyak masak paket bersubsidi di rumah tersebut.

"Kesemua minyak masak itu dirampas, namun tiada sebarang pengakuan pemilikan barang-barang tersebut daripada pemilik rumah tersebut.

"KPDN Kelantan memberi amaran kepada individu atau pihak termasuk peniaga supaya tidak terlibat dalam kegiatan penyeludupan," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Di **Seremban**, KPDN Negeri Sembilan merampas sebanyak 5.1 tan minyak masak paket bersubsidi dari sebuah premis pem-



Kesemua minyak masak itu dirampas, namun tiada sebarang pengakuan pemilikan barang-barang tersebut daripada pemilik rumah tersebut."

bungkus barang kawalan tersebut di Metro Park, Sendayan, Seremban kelmarin.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, dalam pemeriksaan yang dijalankan oleh pasukan penguat kuasa KPDN mendapati syarikat tersebut telah menyimpan barang kawalan minyak paket bersubsidi di tempat tidak

dilesenkan.

"Ketika pemeriksaan, terdapat minyak masak paket bersubsidi yang siap dibungkus di lot premis yang tidak didaftarkan di dalam lesen barang kawalan milik syarikat berkenaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati, pihak syarikat tiada membuat sebarang permohonan untuk mendaftarkan lot premis berkenaan sebagai tempat penyimpanan barang kawalan iaitu minyak masak bersubsidi," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, tindakan tersebut adalah hasil pemantauan susulan dilakukan pihaknya ke atas syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Negeri Sembilan.

"Hasil serbuan ini, sebanyak 5,100 kilogram (5.1 tan) minyak masak paket bersubsidi serta

dokumen-dokumen berkaitan telah disita bagi tujuan siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM 12,750," katanya.

Beliau berkata, KPDN Negeri Sembilan komited di dalam pemantauan berkaitan barangan keperluan asas pengguna terutamanya berkaitan barangan kawalan untuk mencegah sebarang aktiviti penyelewengan di pasaran.

"Justeru, amaran kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan barang kawalan berjadual agar mematuhi perundangan yang telah ditetapkan.

"KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melakukan aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang," tambahnya.

HARI : RABU

TARIKH : 18/1/2023

M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.88
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29
• Daging Lembu Import	RM55.80
• Telur Cred A	RM13.50
• Ikan Kembung	RM15.99
• Minyak Masak	RM6.90
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar, Holland	RM3.99
• Bawang Putih	RM4.88
• Cili Merah	RM9.49
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandum	RM3.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

18 JANUARI 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Jan	KPDN Kelantan sita 6,120 kg minyak masak bersubsidi	https://www.utusan.com.my/berita/2023/01/kpdn-kelantan-sita-6120-kg-minyak-masak-bersubsidi/	UM
18-Jan	Rumah sorok minyak masak bersubsidi diserbu	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240927	SH
18-Jan	Bungkus, simpan minyak masak subsidi tanpa kebenaran	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/01/1052851/bungkus-simpan-minyak-masak-subsidi-tanpa-kebenaran	BH
18-Jan	5,100 kg minyak masak paket dirampas	https://www.kosmo.com.my/2023/01/17/5100-kg-minyak-masak-paket-dirampas/	KOSMO
18-Jan	Pemandu lori dicekup seleweng diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/240989/berita/semasa/pemandu-lori-dicekup-seleweng-diesel-bersubsidi	SH
18-Jan	State-level price control scheme for CNY launched	https://www.dailyexpress.com.my/news/206093/state-level-price-control-scheme-for-cny-launched/	DAILYEXPRESS
18-Jan	Bekalan mencukupi, peniaga diingatkan supaya bekalan tidak putus	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/55488-bekalan-mencukupi-peniaga-diingatkan-supaya-bekalan-tidak-putus	BERITARTM
18-Jan	Bahan mentah sempena Tahun Baharu Cina di Kelantan cukup	https://www.kosmo.com.my/2023/01/17/bahan-mentah-sempena-tahun-baharu-cina-di-kelantan-cukup/	KOSMO
18-Jan	Alhamdulillah, bekalan telur telur semakin pulih - Mohamad Sabu	https://m.malaysiakini.com/news/651970	MALAYSIAKINI
18-Jan	Menteri: Kekurangan bekalan telur di pasaran semakin pulih	https://selangorkini.my/2023/01/menteri-kekurangan-bekalan-telur-di-pasaran-semakin-pulih/	SELANGORKINI
18-Jan	Kementerian dapat markah tercorot, ini jawapan Mohamad Sabu	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1053096/kementerian-dapat-markah-tercorot-ini-jawapan-mohamad-sabu	BH